

# Globalisasi tetap untungkan Asia

BH - 4/5/2006

**J**AKARTA: Globalisasi tidak lama lagi akan menyaksikan Eropah, malah dunia juga menjadi "Asia" kerana globalisasi bermakna dunia tanpa sempadan dan oleh itu tiada siapa boleh menjustifikasikan menghalang orang Asia daripada pergi ke Eropah, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Asia dan dunia ketiga juga berhak terhadap definisi mereka sendiri mengenai globalisasi dan tidak perlu menerima definisi Barat yang mahu melihat negara lain membuka pasaran dan ekonomi mereka kepada negara lebih maju.

"Di Eropah hari ini ada berjuta rakyat Asia dan jika Barat berkata globalisasi bermakna sebuah dunia tanpa sempadan, mereka tidak boleh beri alasan menghalang penduduk Asia ke

Eropah," katanya menjawab soalan selepas menyampaikan ucapan tama penutupan Kongres Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Asia di sini, semalam.

Beliau berkata, hakikatnya lebih ramai rakyat Asia daripada warga Eropah di dunia ini dan dengan hanya menyatukan China dan India ada 2.3 bilion penduduk yang sudah boleh membanjiri Eropah yang mempunyai 360 juta penduduk.

"Akhirnya dunia akan menjadi 'Asia' walaupun saya mungkin tidak akan hidup untuk menyaksikannya," katanya sambil menjelaskan ketika ini ramai orang Arab dan India membanjiri Eropah serta masakan India popular di sana.

Mengenai pertemuannya dengan bekas Presiden Suharto, katanya, beliau mengunjungi seorang sahabat lama. - Bernama